

## Program Literasi Media dan Maklumat bantu Keluarga Malaysia celik maklumat

April 21, 2022

Written by Media BaharuPublished in Semasa



(Mohammad berucap pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat K-KOMM 2022 di Putrajaya)

**PUTRAJAYA, 21 April** - Langkah proaktif membantu Keluarga Malaysia menjadi masyarakat celik maklumat adalah dengan melaksanakan program Literasi Media dan Maklumat.

Seperti di Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Mohammad Mentek berkata program berkenaan akan menjadi kursus khas kepada warga kementerian, lebih-lebih lagi dalam usaha membendung 'budaya tular maklumat' yang tidak diketahui kesahihannya.

Justeru beliau berharap agar warga kementerian mengambil peluang menyertai program seumpama itu.

"Dengan adanya masyarakat yang berbudaya membaca, negara kita akan mempunyai rakyat yang berminda aktif, kreatif dan berinovasi.

"Selain mengaktifkan minda mereka untuk berfikir dengan lebih waras, fokus, berfikiran terbuka dan mampu melahirkan warganegara yang berkebolehan melihat sesuatu daripada pelbagai persepektif berbeza," katanya.

Beliau berucap pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit Peringkat K-KOMM 2022, di sini hari ini.

Aktiviti berkenaan merupakan simbolik tentang 'masa itu berharga' jika diisi dengan aktiviti yang berfaedah serta memberi impak dalam ekonomi, politik dan sosio-budaya negara.

Pada majlis ini, Mohammad Mentek turut merasmikan 'Little Free Library K-KOMM' sebagai sudut bacaan oleh warga kementerian.